



## **Tambah lebih 200 pegawai Imigresen di pintu masuk negara**

Oleh Mohd Khidir Zakaria - Mei 21, 2023 @ 7:48pm  
bhnews@com.my

PORT DICKSON: Lebih ramai pegawai penguat kuasa Imigresen akan ditempatkan di pintu masuk utama negara dalam usaha menambah baik perkhidmatan jabatan itu, termasuk dalam urusan kemasukan warga asing ke negara ini.

Ia membabitkan penempatan 101 pegawai di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan 104 pegawai di Bangunan Sultan Iskandar (BSI), Tambak Johor, serta Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) dekat Gelang Patah, di Johor.

Selain itu, satu penempatan di Bahagian Keselamatan dan Pasport, Putrajaya; dua penempatan di Akademi Imigresen Malaysia serta 13 penempatan di Jabatan Imigresen Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor dan Sarawak.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata semua 221 pegawai kadet terbabit sudah terlatih dan menjalani latihan selama empat bulan di Akademi Imigresen Malaysia, bermula 16 Januari hingga tamat, hari ini (21 Mei).

"Sepanjang tempoh latihan ini, mereka didedahkan dengan latihan bagi membentuk jati diri pegawai yang berkualiti serta berintegriti tinggi.

"Mereka diberikan latihan serta pendedahan bersesuaian dengan cabaran yang bakal dihadapi apabila bertugas kelak terutamanya dalam menguruskan keberadaan warga asing di negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kadet Imigresen di Akademi Imigresen Malaysia, di sini.

Saifuddin Nasution berkata, Imigresen memberi sumbangan kepada kutipan hasil negara, dengan kutipan RM5.2 billion pada tahun lalu.

Beliau berkata, menerusi program Rekalibrasi Tenaga Kerja (RTK) yang dilaksanakan hingga 18 Mei lalu, sebanyak RM201,846,091.50 dapat dikutip, daripada 250,186 permohonan, membabitkan 39,365 majikan dan 503,831 pendatang asing tanpa izin (PATI).

Beliau menambah, sumbangan jabatan itu bukan sahaja dari segi kutipan hasil dan pertumbuhan ekonomi, malah dari aspek keselamatan dan ketenteraman awam.

Katanya, sejak 1 Januari hingga 18 Mei tahun ini, sebanyak 3,147 operasi penguatkuasaan dilaksanakan dan 35,387 individu diperiksa dalam keseluruhan operasi.

"Seramai 21,125 PATI dan 127 ditahan sepanjang tempoh ini," katanya.

Selain itu, Saifuddin Nasution berkata, sebanyak RM6 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan Pelan Operasi Latihan (POL) jabatan berkenaan, merangkumi 490 program latihan yang akan membabitkan keseluruhan 14,249 kakitangan dan pegawai Imigresen.

Beliau berkata, program itu bertujuan mencapai sasaran pemerkasaan sumber manusia, dengan fokus utama membina karakter diri berkualiti dan berintegriti tinggi serta memperkukuhkan kemahiran insaniah setiap warga Imigresen.